

29/04/2000

Isteri pemimpin perlu lebih produktif, dinamik

KUALA LUMPUR, Jumaat - Isteri pemimpin perlu melengkapkan diri dengan maklumat terkini, bertanggungjawab dan sensitif terhadap perubahan semasa, kata isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Amal dan Kebajikan dan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) berkata, peranan isteri pemimpin pada masa ini semakin bertambah berikutan pelbagai perubahan dan cabaran yang dihadapi.

Justeru, perubahan itu menuntut isteri pemimpin lebih proaktif, dinamik dalam menangani cabaran baru.

"Ini dapat dilakukan melalui perbincangan dan percambahan fikiran seperti yang dilaksanakan melalui kursus dan daya kreatif yang ada pada diri mereka.

"Usaha itu dapat meningkatkan keupayaan dan keyakinan diri bagi menyambung secara langsung kepada peningkatan imej suami (pemimpin) di mata masyarakat.

"Pada zaman ini, sama ada dalam politik atau bidang lain, kewibawaan isteri adalah cermin penonjolan suami dan kedudukannya," katanya ketika menutup Kursus Khas Ahli Bakti, di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), di sini hari ini.

Kursus yang dianjurkan bersama antara Bakti dan Intan itu diadakan pada 17 hingga 28 April itu dihadiri oleh isteri menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen.

Dr Siti Hasmah, berkata isteri pemimpin memainkan peranan sebagai `duta tidak rasmi' terutama ketika lawatan rasmi di dalam dan luar negara.

Oleh itu, katanya, peranan berkenaan perlu dilakukan dengan cara yang terbaik demi negara.

Dr Siti Hasmah berkata, untuk menjadi seorang isteri yang berketrampilan, mereka mesti mempunyai keupayaan pembinaan sendiri yang menjadi proses pembangunan sahsiah diri.

Beliau berkata, cara hidup itu pernah diungkapkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh.

"Kita bersama-sama memainkan peranan sebagai anggota masyarakat yang positif dan mampu menyumbang ke arah pembangunan negara berlandaskan Wawasan 2020 yang tidak membezakan di antara wanita dan lelaki," katanya.

(END)